

01/06/2002

Cuepacs kesal laporan Utusan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) kesal dengan laporan akhbar Utusan Malaysia yang tidak tepat mengenai hasil perbincangan antara kesatuan itu dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berhubung semakan semula sistem matriks dalam Skim Saraan Baru (SSB).

Presiden Cuepacs, Datuk N Siva Subramaniam, berkata tindakan itu menjejaskan proses perbincangan dan pertimbangan pihak kerajaan, sekali gus berkemungkinan menjadi punca kehampaan lebih sejuta kakitangan awam jika semakan semula SSB tidak memenuhi tujuan asal.

"Saya tidak tahu dari mana mereka dapat sumber ini tetapi ingin saya tegaskan di sini bahawa semua yang dilaporkan itu karut semata-mata dan langsung tidak dibincangkan dalam mesyuarat antara Cuepacs dan JPA semalam.

"Perbuatan tidak bertanggungjawab ini mempunyai kesan yang agak serius kerana kakitangan awam yang menjadi mangsa walaupun saya yakin bahawa pucuk pimpinan Cuepacs tidak terbabit dalam penyaluran maklumat kurang tepat mengenai isu yang dibincangkan semalam dengan JPA.

"Saya juga yakin pihak yang berkenaan akan mengambil tindakan undang-undang kerana hasil perbincangan mesyuarat semalam itu adalah rahsia kerajaan berdasarkan peruntukan Akta Rahsia Rasmi (OSA) 1972," katanya ketika dihubungi.

Mesyuarat antara Cuepacs dan JPA adalah yang keempat berhubung SSB, yang menentukan tangga gaji bagi hampir sejuta kakitangan awam, di mana JPA dipertanggungjawab menyediakan cadangan semakan semula sistem SSB sedia ada untuk dikemukakan kepada Kabinet.

Semalam, akhbar melaporkan maklumat sumber kononnya rombakan SSB itu membabitkan pemberian ganjaran RM1,000 dan sijil kepada lebih ramai kakitangan awam iaitu dianggarkan sekitar lapan peratus berbanding dua peratus sebelum ini.

Mengikut laporan akhbar yang sama, apabila SSB yang dikaji semula dilaksanakan, sumber itu berkata kenaikan tahunan berdasarkan penilaian prestasi tahunan akan digantikan dengan ujian kecekapan ataupun peperiksaan khas.

Sumber itu juga didakwa berkata JPA menolak cadangan Cuepacs supaya sebuah panel rayuan dibentuk untuk mempertimbangkan rayuan berkaitan keputusan peperiksaan berkenaan dan JPA juga tekad mengekalkan panggilan Sistem Saraan Baru meskipun Cuepacs mengesyorkan beberapa nama lain.

Malah, lapor akhbar itu, JPA menolak cadangan Cuepacs supaya unit khas sumber manusia diwujudkan di JPA bagi mengkaji rayuan pertukaran membabitkan kakitangan awam atas alasan ia adalah budi bicara seseorang ketua jabatan.

Bagaimanapun, hari ini, Siva menyangkal semua andaian itu dan beliau sendiri bingung dari mana maklumat berkenaan diperoleh sedangkan semua yang diperkatakan itu tidak dibincangkan dalam mesyuarat antara Cuepacs dan JPA semalam.

SSB diperkenalkan pada 1992 bagi menggantikan skim perkhidmatan di bawah Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet (JKK I dan II) sejak 1976 manakala awal tahun ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang meneliti laporan kajian SSB mengarahkan JPA menghalusi lagi cadangan pendekatan baru sebelum ia dapat dilaksanakan.

Kata Perdana Menteri, penelitian semula itu perlu memandangkan cadangan

itu membabitkan penambahan kos RM1 bilion di pihak kerajaan.  
(END)